

PELABURAN RM400 JUTA DARI UAE DAPAT JADIKAN MALAYSIA HAB TERBIODEGRADASIKAN UTAMA DI ASIA TENGGARA

GURUN, 21 APRIL 2022 - Melalui bantuan daripada Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), Free The Seed Sdn Bhd (Free The Seed), sebuah syarikat bioteknologi Malaysia yang mengeluarkan produk terbiodegradasikan daripada jerami padi, telah bekerjasama dengan Hotpack Packaging Industries LLC (Hotpack) dari Emiriah Arab Bersatu untuk membina 10 kilang pembungkusan terbiodegradasikan baharu di Gurun, Kedah bernilai RM400 juta (USD100 juta) dalam tempoh 10 tahun. Pembinaan kilang pengeluaran pertama seluas 3,200 meter persegi di kawasan tapak Free The Seed akan bermula pada Mei 2022 dan dijangka siap pada Ogos 2022. Ini merupakan kilang pertama Hotpack di Asia Tenggara.

Melalui kerjasama itu, Free The Seed menjadi rakan kongsi teknologi dan operasi bagi Hotpack dengan menyediakan bahan mentah, kepakaran, tenaga kerja dan pengetahuan teknikal kepada syarikat UAE itu. Hotpack pula mengeluarkan dan menyediakan produk terbiodegradasikan baharu untuk pasaran global termasuk negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Kilang pertama itu dijangka menghasilkan 70 juta unit produk pembungkusan barangan pengguna bergerak pantas (FMCG) dalam setahun.

Kerjasama antara Free The Seed dan Hotpack adalah hasil padanan perniagaan yang dimulakan oleh Bioeconomy Corporation semasa minggu Pertanian Lestari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Pavilion Malaysia, EXPO 2020 Dubai dari 20 hingga 26 Februari 2022. Semasa majlis pecah tanah di kawasan tapak Free The Seed di sini hari ini, Menteri MAFI YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, "MAFI amat gembira kerana usaha dan komitmen yang dijalankan semasa ekspo itu telah memupuk kerjasama global yang penting ini, yang berpotensi menjadikan Malaysia sebagai hab terbiodegradasikan terkemuka di Asia Tenggara. Pelaburan ini juga dijangka mewujudkan 1,200 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun bagi tenaga kerja mahir dan separa mahir, serta menghasilkan pembungkusan terbiodegradasikan daripada pelbagai jenis sisa pertanian seperti daun nanas dan bahan agro-biojisim lain. Model mampan dan kitaran ini akan membawa kepada pendapatan yang lebih baik untuk lebih ramai komuniti petani di Malaysia, di samping menarik lebih ramai pelabur asing, melindungi alam sekitar, dan menambah nilai kepada pertanian lestari di Malaysia dan UAE."

Pengerusi Bioeconomy Corporation, YB Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid, mengulas, "Bioeconomy Corporation berbesar hati kerana dapat membantu membawa masuk pelaburan istimewa ini, yang membolehkan Free The Seed meluaskan perniagaan dengan memanfaatkan rangkaian luas Hotpack dan peluang pasaran globalnya terutamanya negara-negara GCC. Tambahan pula, kedua-dua syarikat berpotensi untuk membangunkan bersama pelbagai produk terbiodegradasikan untuk akses pasaran yang lebih baik dengan kecekapan kos bagi memenuhi permintaan pasaran global pembungkusan terbiodegradasikan, yang diramalkan melebihi RM713.6 bilion (USD169 bilion) menjelang 2032."

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, YBrs En Khairul Fidzal Abdul Razak berkata, "Perniagaan global kini bergerak pantas untuk mengakses teknologi dan bahan mentah bersumberkan mampan yang menyumbang ke arah pengurangan karbon. Dengan ini, kami menjangkakan bahawa lebih banyak pengeluar antarabangsa dan syarikat penyumberan pembungkusan akan ingin melabur di Malaysia dalam bidang pembungkusan terbiodegradasikan sebagai salah satu rancangan mereka untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Kami telah pun menerima permintaan daripada pihak

antarabangsa seperti Amerika Syarikat yang berminat untuk menubuhkan kilang mereka di Malaysia."

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Free The Seed, Encik Ramaness Parasuraman berkata, "Perkongsian awam-swasta berasaskan sinergi unik ini yang melibatkan Free The Seed, Hotpack, dan Bioeconomy Corporation berpotensi untuk merevolusikan perniagaan pembungkusan terbiodegradasikan berasaskan ekonomi kitaran yang bernilai berbilion dolar. Ini akan mempercepatkan visi dan transformasi negeri Kedah sebagai pusat pengeluaran global produk pembungkusan terbiodegradasikan sekali guna."

Pengasas dan Pengarah Urusan Hotpack, En Abdul Jebbar P.B. menyatakan, "Ini merupakan masa yang tepat sekali untuk Hotpack memanfaatkan teknologi Free The Seed dengan kemudahan Bioeconomy Corporation untuk penciptaan produk terbiodegradasikan dari Malaysia ke pasaran global. Hotpack berhasrat untuk membantu syarikat-syarikat mencapai sasaran SDG dan mengurus portfolio alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan lebih baik dalam sektor FMCG, yang akan membenarkan perniagaan syarikat-syarikat ini berkembang dengan cara mampan dan seimbang."

Turut hadir di upacara majlis itu adalah Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Makanan, Exco Kedah, YB Encik Azman Bin Nasarudin; Pengerusi Jawatankuasa Industri Dan Pelaburan, Exco Kedah, YB Dato' Wira Ku Abd Rahman bin Ku Ismail; Pengarah Teknikal Kumpulan Hotpack Packaging ING. LLC, En Anvar P.B.; dan Ahli Majlis Parlimen Jerai, Y.B. Tuan Ustaz Sabri bin Azit.

Free The Seed ialah syarikat berstatus BioNexus yang terlibat dalam pembuatan dan R&D produk pembungkusan terbiodegradasikan diperbuat daripada sisa jerami padi yang diperolehi daripada petani tempatan. Hotpack ialah salah satu pengeluar dan pengedar bahan pembungkus makanan terbesar di GCC dengan kilang-kilang di UAE, Arab Saudi dan United Kingdom.

-TAMAT-

Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) sejak November 2018 dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff

Eksekutif,

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108

Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my